

VARIA

Cabaran UKM latih sukarelawan Sukan SEA

Perspektif

Oleh DR. SHAHRUL NAZMI SANNUSI
nazmy@ukm.edu.my
Penyarah Kanan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia



MENGIMBAU kejayaan penganjuran Sukan Komanwel 1998 dan Sukan SEA 2001 yang berlangsung meriah, terlintas persoalan dalam fikiran penulis tentang bagaimana negara kecil seperti Malaysia mampu mengendalikan acara sukan bertaraf dunia setanding penganjuran Sukan Asia atau Sukan Olimpik?

Dalam konteks komunikasi massa, kemampuan penganjur untuk menganjurkan temasya sukan bertaraf global dan mencabar membuktikan bidang pengurusan acara negara ini mempunyai kepakaran tinggi serta bertaraf profesional.

Dalam penganjuran sesuatu acara besar, soal keselamatan, protokol, komunikasi, pengurusan krisis sehinggalah kepada penyediaan makanan perlu dikendalikan secara sistematik.

Bukan setakat acara sukan, Malaysia juga banyak kali menganjurkan acara atau persidangan besar antarabangsa melibatkan pemimpin serta tokoh besar dunia yang berlangsung dengan jayanya.

Kini, tahun 2017 antara momen bersejarah buat negara kerana bakal menjadi tuan rumah Sukan SEA bermula 19 hingga 31 Ogos serta Sukan Para ASEAN pada 17 hingga 23 September.

Istimewanya, ia berlangsung di Kuala Lumpur selepas 16 tahun berlalu sementara dianjurkan dalam bulan kemerdekaan Malaysia ke-60.

Menariknya, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) dipilih kerajaan untuk memberikan latihan kepada para sukarelawan Sukan SEA kali ini.



SUKARELAWAN bergambar kenangan bersama Khairy dan mascot Sukan SEA ketika mengikuti program latihan dan bimbingan khas di kampus UKM baru-baru ini.

Dijangajakan, sekitar 18,000 sukarelawan telah dipilih oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk menyertai kursus itu. Mereka mula menghadiri diri ke kampus UKM sejak Disember lalu dan dijangka berakhir hujung bulan ini.

Latihan dan ceramah yang mengambil masa selama dua hari itu dihadiri antara 300 hingga 500 sukarelawan daripada seluruh negara. Ia dikendalikan oleh tenaga pengajar UKM yang berlatar belakangkan kepakaran modul hasilan masing-masing.

Bimbingan

Ia bertujuan memberi bimbingan kepada golongan sukarelawan untuk berhadapan dengan pelbagai bentuk tugasan sepanjang temasya itu berlangsung.

Penulis turut melibatkan diri apabila menjadi pasukan tenaga pengajar modul Komunikasi Merentas Budaya pimpinan Dr. Abdul Latiff Ahmad dan Komunikasi Dalam Situasi Mencabar pula dipimpin oleh Dr. Emma Mohamad.

Sebagai sukarelawan yang berada dalam barisan hadapan, mereka perlu bersedia menghadapi pelbagai risiko krisis yang berpotensi berlaku serta kaedah berkomunikasi dengan peserta atau atlet daripada pelbagai bangsa.

Selain itu, Modul Kenegaraan Patriotisme dan Isu-Isu Semasa, Model Latar Belakang ASEAN Dan Sukan SEA, Motivasi Sebagai Sukarelawan Berkesan, Pembentukan Imej Professional dan Protokol serta Tindak Balas Dalam Situasi Kecemasan turut didedahkan kepada sukarelawan.

Pengalaman berdepan ribuan sukarelawan sememangnya menjadi pengalaman manis buat penulis. Masakan tidak, mereka datang daripada pelbagai

kam, agama dan usia.

Ada dalam kalangan mereka bekerja sebagai jurutera, guru, doktor, pelajar sekolah, suri rumah sehinggalah kepada warga emas yang datang bersama anak dan cucu untuk memenuhkan khidmat sebagai sukarelawan.

Terdapat juga antara mereka yang pernah menjadi sukarelawan pada Sukan Komanwel 1998 dan Sukan SEA masih menunjukkan minat mendalam untuk bergengsi pengalaman bersama sukarelawan baharu.

Ia sudah tentu memberi cabaran besar dalam kalangan kami tenaga pengajar untuk mengendalikan kelas besar seperti ini.

Kerana itu, pada bengkel kali ini, UKM menjalankan kaedah pengajaran yang lebih segar dan interaktif.

Para peserta tidak hanya diberikan pengetahuan melalui pengajaran dalam dewan kuliah semata-mata tetapi turut menggunakan kaedah pengajaran dan latihan stas talian terbaharu seperti Open Learning, Kahoot dan Todaymeet.

Dalam hal ini, semua sukarelawan Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN 2017 yang dilantik dan menyertai program ini akan disediakan kemudahan makan serta minum selain pakaian rasmi, skim insurans berkelompok dan sijil penghargaan.

Lebih manis, kehadiran Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin pada 14 Februari lalu untuk memberi sokongan kepada program ini berjaya mencuri perhatian pengajar dan peserta.

Syabas juga kepada Naib Canselor UKM, Prof. Datin Seri Dr. Noor Azlan Ghazali dan Dekan FSSK, Prof. Dr. Ekhwani Toriman serta barisan tenaga pengajar yang terlibat kerana sanggup berkorban waktu khususnya pada hujung minggu.

PERSEMBAHAN bunga api mewarnai Stadium Nasional Bukit Jalil pada pembukaan temasya Sukan Komanwel 1998 di Kuala Lumpur.
- Gambar hiasan.

